

53

PERPINDAHAN UNIT KENDERAAN DARI JPP KE JABATAN PENDAFTAR
Jabatan Pendaftar

Telah Dihantar: 02 Ogos 2010 16:38

Kepada: UUM - All Staff

2 OGOS 2010
21 SYAABAN 1431H

UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

HEBAHAN PENDAFTAR, 1 Ogos 2010: Semua urusan pentadbiran dan operasi Unit Kenderaan yang selama ini diletak di bawah Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP) dipindahkan ke Jabatan Pendaftar berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2010. Pemindahan ini diputuskan dalam mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) yang bersidang pada 29 Julai 2010.

Pemindahan tersebut tidak termasuk aspek teknikal penyelenggaraan kenderaan sebaliknya ia kekal di JPP kerana JPP mempunyai kepakaran dan kelengkapan teknikal. Walau bagaimanapun semua keputusan berkenaan urusan teknikal dan penyelenggaraan ini adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Pendaftar.

Sejajar dengan itu semua fungsi Unit Kenderaan yang selama ini ditadbir oleh JPP diambil alih oleh Jabatan Pendaftar termasuk urusan menerima dan memproses borang tempahan kenderaan; menyusun dan mengatur jadual pergerakan harian kenderaan dan tugasan harian pemandu; dan menguruskan pembelian dan pelupusan kenderaan.

Pemindahan ini juga melibatkan empat (4) orang staf dan semua pemandu yang sedia ada di JPP. Seorang Pegawai Tadbir Gred N41 telah dilantik untuk mengurus Unit Kenderaan.